

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri RiderCare PA. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu RiderCare PA?

RiderCare PA ialah pelan kemalangan diri asas yang menyediakan pampasan kematian, hilang upaya kekal dan tunai ihsan akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1.	Kematian akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
2.	Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
3.	Tunai Ihsan	500	500	500	500

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh alkohol dan dadah;
- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Rider Care PA, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih. Anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Premium Asas (RM)	RM 13.00	RM 26.00	RM 38.00	RM 51.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:				
Komisen Dibayar Kepada Pengantara (Daripada Premium Asas)	25% atau RM 3.25	25% atau RM 6.50	25% atau RM 9.50	25% atau RM 12.75
Cukai Perkhidmatan (Daripada Premium Asas)	8% atau RM 1.04	8% atau RM 2.08	8% atau RM 3.04	8% atau RM 4.08
Duti Setem	RM 10.00	RM 10.00	RM 10.00	RM 10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM 24.04	RM 38.08	RM 51.04	RM 65.08

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
- Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.